

28 MAY 2003

TERENGGANU SETUJU BAYAR BONUS KEPADA 8,000 KAKITANGAN K'JAAN NEGERI

KUALA TERENGGANU, 28 Mei (Bernama) -- Kerajaan PAS Terengganu telah meluluskan peruntukan RM5 juta bagi membayar bonus setengah bulan gaji kepada 8,000 kakitangan awam negeri.

Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri di sini hari ini mengambil keputusan itu untuk mengikut langkah kerajaan pusat seperti yang terkandung dalam pakej ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lepas.

Dalam perkembangan lain, Abdul Hadi berkata beliau telah mengarahkan agar keputusan merobohkan tokong Thean How Kong bagi tujuan kerja mengindahkan benteng sungai Terengganu dikaji semula.

Ketika ditanya sama ada arahan itu disebabkan tekanan pihak tertentu termasuk MCA, beliau berkata menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memberikan perhatian terhadap aduan yang dikemukakan oleh rakyat.

Menurut warta kerajaan negeri pada 13 Feb lepas, kerajaan negeri akan mengambil tanah yang melibatkan kawasan tokong yang berusia 108 tahun untuk fasa ketiga kerja mengindahkan sungai Terengganu.

Bagaimanapun, tindakan itu mendapat bantahan MCA dan Persatuan Hainam.

-- BERNAMA

AYB SN DC MAI